

PM AKAN UMUM KEDUDUKAN RAHMAT

BANGI, Isnin — Kedudukan bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat akan diketahui selawat-lewatnya sebelum penghujung minggu ini.

Beliau digugurkan dari senarai Kabinet baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diumumkan Khamis lalu.

Ketika ditanya mengenal kedudukan bekas Menteri itu selepas upacara perasmian 'Kursus Kefahaman Islam' peringkat kebangsaan

anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Rabitah Al-Alam Al-Islami di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini, Perdana Menteri menjelaskan:

"Saudara-saudara akan diberitahu mengenainya tidak lama lagi".

Datuk Seri Dr. Mahathir bagalmanapun tidak mengulas lanjut.

Datuk Mohamad disebut-sebut akan menjadi Duta Besar Malaysia ke Indonesia menggantikan Tan Sri Mahmood Yunus yang akan tamat tempoh perkhidmatannya.

Difahamkan, buat pertama kalinya jawatan itu akan diberikan taraf Menteri memandangkan hubungan erat yang sedia terjalin antara Malaysia dan Indonesia.

Datuk Mohamad dilantik menjadi Menteri Penerangan selepas pilihanraya umum 1978 dan sebelum itu pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Beliau memenangi kerusi Parlimen Pulau dalam pilihanraya umum lalu.